Sebagai pertimbangan bahawa **anda** membayar premium kepada kami seperti yang dinyatakan dalam **jadual/sijil insurans polisi**, kami bersetuju untuk mengganti rugi **anda** dengan cara dan setakat yang dinyatakan dalam **polisi** dan **jadual/sijil insurans**, berkenaan dengan peristiwa yang berlaku dalam **tempoh insurans**, atau tempoh berikutnya yang **anda** bayar dan kami menerima premium yang diperlukan. Jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan **anda** (atau semasa anda memohon insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh **anda** antara waktu penyerahan Borang Cadangan **anda** (atau semasa **anda** memohon insurans ini) dan masa kontrak ini dimeterai akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans ini antara **anda** dan **kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat salah nyata pra-kontrak yang dibuat berkaitan dengan jawapan **anda** atau dalam sebarang pendedahan yang diberikan oleh **anda**, hanya kaedah pemulihan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang akan digunakan.

Polisi ini menggambarkan terma dan syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **anda** dan **kami**.

Polisi ini menetapkan perlindungan insurans yang **anda** terima seperti yang ditunjukkan dalam **jadual/sijil insurans** dan keadaan di mana **anda** dilindungi dan tidak dilindungi.

Tafsiran perkataan

Perkataan-perkataan tertentu telah ditafsirkan di bawah. Perkataan-perkataan ini mempunyai maksud yang sama di mana ia digunakan dalam **polisi** atau **jadual/sijil insurans** dan ditonjolkan dalam **polisi** dengan huruf tebal, contohnya **orang yang diinsuranskan**, **kemalangan** dan sebagainya. Perkataan berbentuk mufrad hendaklah termasuk bentuk jamak dan begitu juga sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina wanita.

Kemalangan

bermaksud kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa pada masa dan tempat boleh dikenal pasti yang hendaklah, tanpa bergantung pada apa-apa sebab lain, menjadi satu-satunya punca utama **kecederaan badan**.

Kecederaan badan

bermaksud **kecederaan badan** yang dialami di mana-mana di dalam dunia yang disebabkan oleh **kemalangan** secara tunggal dan bukan kerana kesakitan, penyakit atau kehausan mental dan fizikal secara beransur-ansur.

Terlantar, Pengasingan atau Penghospitalan

bermaksud **pengasingan** di dalam **hospital** di mana **hospital** mengeluarkan caj ke atas bilik dan makanan, dan **orang yang diinsuranskan** mestilah terlantar untuk tempoh yang berterusan tanpa gangguan sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam di atas nasihat dan di bawah penjagaan dan **rawatan** biasa oleh **pakar perubatan**.

COVID-19

bermaksud penyakit coronavirus seperti yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO); penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2.

Doktor/Pakar Perubatan/Pengamal Perubatan

bermaksud **pengamal perubatan** berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang, semasa memberikan **rawatan** itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan, tetapi tidak termasuk **doktor** atau **pakar perubatan** yang merupakan **orang yang diinsuranskan** itu sendiri.

Aktiviti-aktiviti Berbahaya

bermaksud mendaki gunung atau menaiki turun yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan memanjat lain, aktiviti luar pesisir di luar lingkungan lima (5) kilometer dari mana-mana pesisir pantai dan termasuk merakit atau berkanu meredah jeram, terjun bungee, kegiatan penerbangan atau sebarang kegiatan udara lain melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang berlesen sepenuhnya, aktiviti bawah air melibatkan penggunaan alat pernafasan tiruan sehingga kedalaman lebih lapan belas (18) meter, bermain polo menaiki kuda, lari berhalangan, sebarang bentuk seni mempertahankan diri, perlumbaan (selain daripada berjalan kaki atau berenang) atau ujian kelajuan atau kebolehpercayaan, lompatan ski, perlumbaan ski-bob, ski gaya bebas, penggunaan kereta geluncur, sebarang bentuk pertandingan dan kegiatan sukan profesional, sebarang percutian sukan yang dianjurkan atau kegiatan lain yang memerlukan tahap kemahiran tertentu.

Hospital

bermaksud hanya suatu penubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan dengan betul sebagai **hospital** untuk penjagaan dan **rawatan** ke atas orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit yang membayar dan ditempatkan di atas katil, dan yang:

- mempunyai kemudahan untuk menjalankan diagnosis dan pembedahan besar;
- menyediakan khidmat penjagaan dua puluh empat (24) jam sehari oleh para jururawat yang berdaftar dan bertauliah;
- di bawah pengawasan seorang **doktor**; dan
- bukan secara dasarnya sebuah klinik, suatu tempat untuk para penagih alkohol atau dadah, sebuah rumah penjagaan, rehat atau pemulihan atau sebuah rumah bagi orang-orang tua atau penubuhan yang serupa dengannya.

Unit Rawatan Rapi

bermaksud satu bahagian di **hospital** yang dinamakan sebagai **unit rawatan rapi** oleh **hospital**, dan yang diselenggara dua puluh empat (24) jam hanya untuk **rawatan** bagi pesakit dalam keadaan kritikal dan dilengkapi khidmat jagaan dan perubatan khas yang tidak disediakan di mana-mana bahagian lain **hospital** itu.

Perlu dari Segi Perubatan

bermaksud perkhidmatan perubatan yang

- konsisten dengan diagnosis dan **rawatan** perubatan lazim untuk keadaan perubatan yang dilindungi;
- menurut **standard amalan perubatan baik, konsisten dengan standard semasa penjagaan perubatan profesional, dan manfaat perubatan yang terbukti;**
- bukan untuk **keselesaan orang yang diinsuranskan atau doktor, dan tidak dapat secara munasabahnya diberikan di luar hospital (jika dimasukkan sebagai pesakit dalam);**
- bukan untuk tujuan eksperimen, penyiasatan atau bersifat kaji selidik, bersifat pencegahan dan pemeriksaan, teknologi atau prosedur perubatan yang tidak terbukti berkesan, berdasarkan amalan perubatan yang ditetapkan, atau yang tidak diluluskan oleh badan yang diiktiraf di Malaysia;
- cajnya adalah adil dan munasabah dan lazim untuk keadaan perubatan yang dilindungi; dan
- menyediakan **rawatan** yang berkaitan secara langsung dengan keadaan perubatan yang dilindungi.

Tempoh Insurans/Tempoh yang Diinsuranskan

bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam **jadual/sijil insurans** yang **kami** telah bersetuju untuk menerima dan **anda** telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium yang sewajarnya.

Polisi

bermaksud kontrak insurans anda yang mengandungi pernyataan **polisi** ini, **jadual/sijil insurans** dan sebarang pengendornsanya.

Jadual/Sijil Insurans

bermaksud **jadual/sijil insurans** yang dilampirkan pada **polisi** ini di mana butiran **anda** dan elemen tertentu insurans dinyatakan.

Rawatan

bermaksud prosedur pembedahan atau perubatan yang disediakan oleh **doktor** semasa dimasukkan ke **hospital** untuk tujuan tunggal untuk menyembuhkan atau melegakan **kecederaan badan** atau jangkitan **COVID-19**, semasa **tempoh yang diinsuranskan**.

Kami/Syarikat/Syarikat Insurans

bermaksud **MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.**

Anda/Orang yang Diinsuranskan

bermaksud **orang yang diinsuranskan** yang dinamakan dalam **jadual/sijil insurans**, di mana insurans ini telah diaturkan untuknya.

Jadual Manfaat

Manfaat-Manfaat	Pelan 1 (RM)
A. Pendapatan Hospital Harian (sehari, maksimum sehingga 120 hari)	160
B. Pendapatan Hospital Unit Rawatan Rapi (sehari, maksimum sehingga 60 hari)	320
C. Pendapatan Hospital COVID-19 (sehari, maksimum sehingga 30 hari)	75
D. Pendapatan Hospital Unit Rawatan Rapi COVID-19 (sehari, maksimum sehingga 15 hari)	150

Keterangan Manfaat

Kami akan membayar **anda** elaun tunai harian seperti yang dinyatakan dalam **polisi** bagi setiap hari **orang yang diinsuranskan** terlantar di dalam **hospital** semasa **tempoh yang diinsuranskan** untuk **rawatan yang perlu dari segi perubatan bagi kecederaan badan** atau jangkitan **COVID-19** yang dilindungi. Hanya satu (1) kejadian yang diinsuranskan akan dibayar pada satu-satu masa untuk tempoh **penghospitan** yang sama. **Kami** akan membayar manfaat pampasan tertinggi untuk **kecederaan tubuh** atau **COVID-19** jika **orang yang diinsuranskan** terlantar untuk kedua-dua keadaan pada tempoh **penghospitan** yang sama.

A. Pendapatan Hospital Harian

Membayar elaun tunai harian bagi setiap hari **penghospitan** di dalam wad standard hospital untuk **kecederaan badan** yang dilindungi, sehingga maksimum seratus dua puluh (120) hari.

B. Pendapatan Hospital Unit Rawatan Rapi

Membayar elaun tunai harian bagi setiap hari **penghospitan** di dalam **unit rawatan rapi hospital** untuk **kecederaan badan** yang dilindungi, sehingga maksimum enam puluh (60) hari.

C. Pendapatan Hospital COVID-19

Membayar elaun tunai harian bagi setiap hari **penghospitan** di dalam wad standard hospital untuk **rawatan COVID-19**, sehingga maksimum tiga puluh (30) hari.

D. Pendapatan Hospital Unit Rawatan Rapi COVID-19

Membayar elaun tunai harian bagi setiap hari **penghospitan** di dalam **unit rawatan rapi hospital** untuk **rawatan COVID-19**, sehingga maksimum lima belas (15) hari.

Tiada manfaat akan dibayar sehingga pembayaran kepada keseluruhan jumlah telah dipastikan dan dipersetujui melainkan sebaliknya telah dipersetujui oleh **Syarikat**.

Syarat Am

Syarat yang terkandung dalam **polisi** mestilah dipatuhi. Sifatnya mengizinkan syarat tersebut menjadi syarat terdahulu kepada hak untuk menuntut terhadap **kami**.

1. Salah Nyata Atau Ketinggalan Fakta Penting

Jika:

- sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang **anda** berikan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau
 - sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, **anda** gagal mendedahkan apa-apa fakta yang **anda** ketahui yang berkaitan dengan keputusan **kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
 - apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.
- maka dalam mana-mana hal di atas, **polisi** ini adalah batal.

2. Tunai Sebelum Perlindungan

Anda mesti membayar **premium** sebelum perlindungan di bawah **polisi** ini berkuat kuasa. Insurans ini tidak berkuat kuasa melainkan **premium** yang perlu dibayar telah dibayar.

3. Tempoh Semakan Percuma

Jika **anda** ingin membatalkan **polisi** ini dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan **polisi** ini dan **anda** belum membuat tuntutan, **kami** akan membayar balik **premium** yang telah dibayar sepenuhnya jika **anda** menulis kepada **kami** meminta pembatalan.

4. Notis

Anda mestilah memberitahu **kami** secara bertulis dengan serta-merta apabila **anda** menyedari apa-apa perubahan dalam penggajian, pekerjaan, tugas atau usaha mana-mana **orang yang diinsuranskan**, atau perubahan-perubahan lain yang boleh meningkatkan kemungkinan suatu tuntutan di bawah **polisi** ini. **Anda** mungkin dikehendaki untuk membayar **premium** tambahan sebagai hasil perubahan sedemikian.

5. Perlindungan, Langkah Berjaga-jaga yang Munasabah dan Perubahan Material

Anda hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan wajar untuk mencegah dan mengurangkan sebarang **kemalangan** atau **kecederaan badan** dan **kami** mesti diberitahu dengan segera secara bertulis mengenai apa-apa maklumat penting atau perubahan dalam hal keadaan yang boleh meningkatkan kebarangkalian atau kemungkinan kuantum bagi tuntutan di bawah **polisi** ini. **Syarikat** berhak untuk meneruskan perlindungan atas terma dan syarat yang wajar untuk perubahan dalam maklumat atau keadaan penting atau menolak daripada terus melindungi di bawah **polisi** ini.

6. Had Umur

Melainkan dipersetujui sebaliknya secara bertulis oleh **kami**, umur untuk penyertaan pertama dalam **polisi** adalah dari lapan belas (18) hingga enam puluh sembilan (69) tahun, termasuk kedua-dua umur tersebut. Pembaharuan **polisi** ini adalah sehingga umur lapan puluh (80) tahun.

7. Pembaharuan

Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun melalui persetujuan bersama antara **anda** dan **kami** tetapi dalam apa jua keadaan ia akan ditamatkan pada penghujung **tempoh insurans** di mana **orang yang diinsuranskan** itu mencapai umur lapan puluh (80) tahun.

Apabila **kami** menjemput **anda** untuk memperbaharui **polisi anda**, **kami** boleh mengubah **premium**, **perlindungan**, **terma** dan **syarat** yang **kami** anggap perlu atas sebab yang mungkin termasuk sejarah perubatan **anda** dan keuntungan portfolio **kami**. **Kami** akan memaklumkan **anda** dengan notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh pembaharuan. Pembayaran **premium anda** yang berterusan selepas **kami** memberikan notis sedemikian bermakna **anda** menerima perubahan tersebut.

8. Tempoh Ihsan/Tanggung

Tempoh ihsan/tanggung selama tiga puluh (30) hari dari tarikh tamat tempoh **polisi** ini tersedia untuk pembaharuan **polisi anda**. **Kami** akan bertanggung jawab ke atas sebarang tuntutan yang ditanggung semasa tempoh ihsan/tanggung jika **premium** dibayar semasa tempoh ihsan/tanggung. Jika **premium** tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan/tanggung, **polisi** ini akan dianggap sebagai ditamatkan pada tarikh tamat tempoh **polisi** ini.

9. Pindaan

Syarikat berhak meminda terma dan peruntukan **polisi** ini dengan memberikan notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis ke alamat terakhir **orang yang diinsuranskan** yang diketahui mengikut rekod **Syarikat**, dan pindaan tersebut akan terpakai dari pembaharuan berikutnya bagi **polisi** ini. Pindaan kepada **polisi** ini tidak sah kecuali jika diluluskan oleh **Syarikat** dan kelulusan itu hendaklah diendorskan pada **polisi** tersebut.

10. Pembatalan

Anda boleh membatalkan **polisi** ini pada bila-bila masa secara bertulis. Bayaran balik **premium** adalah berdasarkan asas pra-rata dan tertakluk kepada **premium** minima dan kadar cukai yang dikenakan. **Kami** boleh membatalkan **polisi anda** atau mana-mana manfaat dengan menghantar notis tujuh (7) hari melalui surat penghantaran berdaftar atau surat berdaftar ke alamat terakhir **anda** yang diketahui. Bayaran balik **premium** adalah berdasarkan asas pra-rata. Apa-apa pemulangan **premium** akan tertakluk kepada berapa lamanya tempoh **polisi** telah berkuat kuasa dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam **tempoh yang diinsuranskan** semasa. Namun, tiada bayaran balik **premium** kepada **anda** jika **polisi** ini dibeli menggunakan Baucar Perlindungan Tenang.

11. **Had Pampasan**

Orang yang diinsuranskan berhak untuk membeli hanya satu (1) **polisi** Insurans Pendapatan Hospital Tenang untuk **tempoh insurans** yang sama termasuk pertindihan **tempoh insurans** dan tidak akan dilindungi di bawah lebih daripada satu **polisi** tersebut. Sekiranya *orang yang diinsuranskan* dilindungi di bawah lebih daripada satu **polisi** itu, **kami** tidak akan bertanggungjawab ke atas tuntutan yang sama di bawah lebih daripada satu (1) **polisi** yang berkaitan dengan **tempoh insurans** yang sama yang dikeluarkan oleh **kami** dan akan membayarnya manfaat pampasan tertinggi sahaja. Di mana manfaat pampasan di bawah **polisi** sedemikian adalah sama, **kami** akan membayar kepada *orang yang diinsuranskan* di bawah **polisi** pertama dikeluarkan dan akan mengembalikan sebarang premium pendua yang telah dibuat.

12. **Fasal Risiko Siber (Fasal Penjelasan Bahaya Teknologi Maklumat)**

Insurans ini tidak melindungi apa-apa kerugian yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada kehilangan, pindaan atau kerosakan kepada, atau pengurangan dalam fungsi, kebolehcapaian atau operasi sistem komputer, perisian keras, program, perisian lembut, data, maklumat, repositori, mikrochip, litar bersepadu atau peranti yang serupa dalam peralatan komputer atau peralatan bukan komputer, sama ada harta yang diinsuranskan atau bukan, tidak dengan sendirinya menjadi suatu kejadian melainkan timbul daripada satu (1) atau lebih **Kontingensi Yang Ditakrifkan** (seperti yang ditakrifkan di bawah ini) tetapi hanya setakat kerugian sedemikian akan sebaliknya diinsuranskan di bawah **polisi** ini.

Kontingensi Yang Ditakrifkan hendaklah bermaksud kebakaran, kilat, letupan, hentaman pesawat udara atau kenderaan, objek jatuh, ribut angin, siklon, taufan, gempa bumi, gunung berapi, tsunami, banjir, rusuhan, kekacauan awam, kecurian, binatang, pembekuan atau berat salji.

13. **Syarat Penarikan Balik Portfolio**

Syarikat berhak membatalkan portfolio secara keseluruhan jika ia memutuskan untuk menghentikan penanggung jaminan produk insurans ini. Pembatalan portfolio secara keseluruhan akan diberikan melalui notis bertulis tiga puluh (30) hari sebelum pembaharuan **polisi** kepada *orang yang diinsuranskan* dan **Syarikat** tersebut akan menghentikan semua **polisi** hingga ke tarikh tamat tempoh perlindungan dalam portfolio.

Syarat Tuntutan

1. **Syarat Terdahulu**

Bayaran tuntutan di bawah **polisi** ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syaratnya oleh **anda**, dan setakat mana ia dikenakan, oleh *orang yang diinsuranskan* atau mana-mana pihak menuntut.

2. **Makluman Kehilangan**

Anda atau sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak **anda** mesti melaporkan secara bertulis kepada **kami** dalam masa tiga puluh (30) hari dengan butiran penuh tentang sebarang **kecederaan tubuh** atau **penghospitalan** yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah **polisi** ini.

3. **Dokumen**

Dokumentasi asal dan resit berserta Borang Tuntutan yang lengkap ditandatangani oleh **pakar perubatan** yang merawat mesti diserahkan kepada **Syarikat** atas perbelanjaan **anda** atau atas perbelanjaan mana-mana pihak yang menuntut dalam bentuk dan sifat yang diperlukan oleh **kami**.

4. **Pemeriksaan Perubatan**

Anda atau *orang yang diinsuranskan* hendaklah mendapatkan perkhidmatan **pakar perubatan** yang berdaftar dan *orang yang diinsuranskan* hendaklah menjalani mana-mana **rawatan** yang dianggap perlu oleh pakar sedemikian. **Orang yang diinsuranskan** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan selanjutnya yang dikehendaki oleh **kami** atas perbelanjaan **kami**.

5. **Timbang Tara**

Semua perbezaan yang timbul daripada **polisi** ini hendaklah dirujuk kepada penimbang tara yang hendaklah dilantik secara bertulis oleh pihak dalam perbezaan. Jika mereka tidak berjaya mendapatkan persetujuan tentang siapa yang akan menjadi Penimbang Tara dalam tempoh satu (1) bulan apabila diminta secara bertulis untuk berbuat demikian, maka kedua-dua pihak layak melantik Penimbang Tara yang setiap seorang akan mendengar perbezaan itu bersama-sama dengan Pengadil yang akan dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara itu. Walau bagaimanapun, dengan syarat apa-apa penafian liabiliti oleh **Syarikat** tersebut bagi apa-apa tuntutan di bawah ini hendaklah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut.

6. **Pembayaran Manfaat**

Maka perihal mana-mana manfaat yang boleh dibayar di bawah Jadual Manfaat seperti yang dinyatakan di atas berhubung dengan perlindungan kepada *orang yang diinsuranskan*, ia hendaklah dibayar kepada *orang yang diinsuranskan*. Walau bagaimanapun, sekiranya *orang yang diinsuranskan* itu meninggal dunia sebelum pembayaran manfaat dibayar, **kami** akan membayar manfaat kepada wakil peribadi sah *orang yang diinsuranskan* seperti dinyatakan di bawah, dengan syarat wakil peribadi sah tersebut mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat **polisi** ini.

- i. jika *orang yang diinsuranskan* telah berkahwin pada masa pembayaran, wakil peribadi sah *orang yang diinsuranskan* ialah suami/isteri dan anak-anaknya, jika ada.
- ii. jika *orang yang diinsuranskan* belum berkahwin pada masa pembayaran, wakil peribadi sah *orang yang diinsuranskan* ialah ibu bapa dan adik-beradiknya, jika ada.

Pengecualian Am

Kami tidak akan membayar apa-apa manfaat untuk:

1. **Kecederaan badan**, kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan daripada apa-apa sifat yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terhasil daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut tidak kira apa-apa sebab lain atau kejadian yang menyumbang serentak atau dalam apa-apa turutan kepada kerugian:
 - a. pengionan radiasi daripada atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear;
 - b. bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan berbahaya atau pencemaran lain daripada apa-apa pembinaan nuklear, reaktor atau apa-apa pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya;
 - c. apa-apa senjata perang yang menggunakan pemisahan atom atau nuklear dan/atau gabungan atau reaksi seumpama yang lain atau kuasa atau bahan radioaktif.
2. **Kecederaan badan** yang diakibatkan oleh:
 - a. peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara,
 - b. penderhakaan, mogok, rusuhan, dan kekacauan awam dengan andaian sebahagian daripada atau sama seperti pemberontakan awam, kebangkitan tentera, kebangkitan, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasan kuasa, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau apa-apa kejadian atau penyebab yang menentukan perisytiharan atau penguatkuasaan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan,
 - c. mana-mana perbuatan keganasan
Bagi tujuan ini, suatu tindakan keganasan termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman daripadanya oleh mana-mana orang atau kumpulan (kumpulan) atau kerajaan (kerajaan), yang komited terhadap politik, agama, ideologi atau tujuan yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan.
3. **Kecederaan badan** yang diakibatkan oleh **orang yang diinsuranskan**:
 - a. terbang atau mengembara di dalam sebuah kapal terbang selain daripada penumpang membayar tambang dengan pembawa yang berlesen semasa penerbangan domestik atau laluan antarabangsa atau perkhidmatan sewa yang disewa khas.
 - b. terlibat di dalam sukan kapasiti profesional atau di mana **orang yang diinsuranskan** akan atau boleh menerima pendapatan atau upah daripada melibatkan diri di dalam sukan tersebut.
4. **Kecederaan badan** yang diakibatkan ke atas **orang yang diinsuranskan** ketika melibatkan diri dan berlatih untuk aktiviti-aktiviti berbahaya.
5. **Kecederaan badan** yang diakibatkan oleh :
 - a. bunuh diri, mencederakan diri sendiri atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada cubaan untuk menyelamatkan hayat manusia) atau tindakan yang melanggar undang-undang,
 - b. kehamilan, kelahiran bayi atau kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang telah sedia ada,
 - c. **orang yang diinsuranskan** adalah di bawah pengaruh dadah (selain daripada yang dipreskripsikan oleh **pengamal perubatan** yang berdaftar tetapi bukan apabila dipreskripsikan untuk **rawatan** penagihan dadah),
 - d. pergaduhan (kecuali dengan niat untuk mempertahankan diri), serangan yang membangkitkan kemarahan, penentangan untuk menangkap.
 - e. tindakan yang salah di sisi undang-undang oleh diri yang diinsuranskan atau **orang yang diinsuranskan**
6. Pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan pergigian, apa-apa pembedahan, **rawatan** atau **pengasingan** di **hospital** melainkan ia adalah **perlu dari segi perubatan**.
7. **Pengasingan** di **hospital** terutamanya untuk diagnosis, pengimbasan, ujian-ujian sinar-X atau terapi fizikal atau apa-apa **rawatan** susulan dan timbul daripada kecederaan yang sama bagi **orang yang diinsuranskan** telah dimasukkan ke **hospital** untuk kali pertama.
8. **Kecederaan badan** yang berpunca daripada atau sebagai akibat daripada atau disumbangkan secara langsung atau tidak langsung oleh HIV (Virus Kekurangan Imun Manusia) dan/atau penyakit yang berkaitan HIV termasuklah AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana ia disebabkan dan/atau apa-apa derivatif mutan, variasi atau **rawatan** daripadanya walau bagaimana ia disebabkan.
9. Mana-mana **COVID-19** yang didiagnosis dalam tempoh lima (5) hari pertama dari perlindungan **orang yang diinsuranskan**.

Jika **kami** mengatakan bahawa disebabkan oleh Pengecualian Am ini, apa-apa tuntutan yang tidak akan dilindungi oleh **polisi** ini, dengan itu kewajipan memberi bukti bahawa tuntutan itu dilindungi adalah daripada **anda**.

Prosedur Aduan

Kami percaya **anda** berhak untuk mendapat perkhidmatan yang berhemah, adil dan segera. Jika wujud sebarang keadaan yang menjadikan perkhidmatan **kami** tidak menepati jangkaan **anda**, sila hubungi **kami** menggunakan butir-butir hubungan di bawah dan memberikan Nombor **Polisi/Nombor Tuntutan** dan Nama **Orang Yang Diinsuranskan**:

1. Pertama, dengan jabatan atau orang yang **anda** hubungi bila berurusan dengan **kami** untuk memaklumkan bagaimana **anda** mahu masalah diselesaikan.
2. Kedua, jika masalah tidak diselesaikan dengan cara yang memuaskan **anda**, maka **anda** boleh membuat aduan bertulis secara formal kepada Jabatan Khidmat Pelanggan **kami** di:

Talian Khidmat Pelanggan : 1-800-88-MSIG (6744)
Faks : +603-2026 8086
E-mel : myMSIG@my.msig-asia.com
Laman web : www.msig.com.my
Alamat : Jabatan Perkhidmatan Pelanggan
MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Tingkat 15, Menara Hap Seng 2
Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur

3. Ketiga, jika **anda** tidak berpuas hati dengan keputusan **kami**, **anda** boleh merujuk perkara tersebut kepada OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (OPK) atau BANK NEGARA MALAYSIA menerusi BNMTELELINK atau BNMLINK:

a. OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (OPK)

Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No.4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

Telefon : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577
E-mel : enquiry@ofs.org.my
Laman web : www.ofs.org.my

b. LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (BNMLINK)

(Pusat Perkhidmatan Pelanggan untuk dikunjungi)

Bank Negara Malaysia,
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 1-300-88-5465 (BNMTELELINK) atau
: +603 2174 1717 (untuk panggilan luar negara)

c. PUSAT HUBUNGAN (BNMTELELINK)

Bank Negara Malaysia,

Telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
Faks : +603-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Perlindungan Data Peribadi

Dengan memberikan Data Peribadi **anda**, bermakna **anda** memberi kebenaran kepada **kami** untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:-

1. Untuk memproses Data Peribadi **anda** dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak Insurans.
2. **Anda** membenarkan dan mengizinkan **kami** untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan **kami**, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - a. Penyelaras berlesen yang berdaftar,
 - b. Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan Kontrak Insurans
 - c. Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - d. ISM Insurance Services Malaysia Berhad.

3. Untuk maklumat lanjut mengenai komitmen **MSIG** untuk melindungi Data Peribadi, senarai pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan yang **kami** mungkin dedahkan Data Peribadi **anda**, sila rujuk kepada Notis Privasi **MSIG** di www.msig.com.my/privacy-notice/ atau mengimbas Kod QR di bawah:



Anda juga boleh meminta akses kepada atau membetulkan Data Peribadi **anda** dengan menghubungi Jabatan Khidmat Pelanggan **kami**. Maklumat tersebut hanya akan diberi selepas pengesahan. 'Data Peribadi' mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Fasal Cukai

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung **polisi** ini.

PEMBERITAHUAN

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.”

Pemegang **polisi/orang yang diinsuranskan** hendaklah membaca **polisi** ini dengan berhati-hati, dan jika apa-apa kesilapan atau salah gambaran ditemui dalam perjanjian ini, atau jika perlindungan adalah tidak mengikut hasrat pemegang **polisi/orang yang diinsuranskan**, sila beritahu **Syarikat** dengan serta-merta dan kembalikan **polisi** tersebut untuk perhatian.